



Lembaga Kebudayaan
Negeri Sabah



BALAI SENI LUKIS SABAH
SABAH ART GALLERY

KATEGORI C



kategori
(Terbuka)

hadiah
RM20,000

tema
Kepelbagaian atau Harmoni

tarikh tutup hantar proposal
14 Sept 2026


tarikh tutup hantar karya
11 Jan 2027

Intan Munirah
010-540 6001

Ahmad Sharil
016-846 3488

sabahartgallery.sabah.gov.my
@ kptns.bsls@gmail.com
Balai Seni Lukis Sabah

Borang Penyertaan
Kategori C



Syarat Penyertaan (Kategori C)

Kelayakan Penyertaan

- Terbuka kepada semua warganegara Malaysia yang telah bermastautin di Sabah tidak kurang dari enam (6) bulan.
- Penyertaan boleh dibuat secara individu atau berkumpulan.
- Bagi penyertaan berkumpulan, **seorang wakil** hendaklah dilantik sebagai penyelaras utama. Sebarang urusan pentadbiran, hadiah, atau anugerah akan diuruskan melalui wakil yang dinamakan.
- Penyertaan hendaklah karya yang asal, ciptaan terbaharu yang belum pernah dikemukakan untuk mana-mana pertandingan atau pameran lain sebelum **Julai 2026**.
- Karya yang pernah dipamerkan, diterbitkan, memenangi anugerah atau menyertai pertandingan lain adalah tidak dibenarkan.
- Setiap karya mestilah hasil pengkarya sendiri dan jika didapati bahawa karya yang diserahkan adalah hasil pengkarya lain, maka pihak penganjur berhak membatalkan penyertaan tersebut.
- Peserta bertanggungjawab mendapatkan kebenaran daripada pihak berkenaan jika menggunakan bahan visual daripada sumber lain sebagai rujukan penghasilan karya seni.
- **Setiap karya yang dikemukakan wajib dibingkai dan dalam keadaan bersedia untuk dipamer.**
- Peserta wajib melengkapkan **Borang Penyertaan Kategori C dalam talian (Google Form)** yang disediakan dan dihantar sebelum/pada **tarikh tutup penghantaran proposal karya pada 14 September 2026 (Isnin), 5.00 petang**.
- Peserta wajib mencetak dua (2) salinan borang tersebut. Satu (1) salinan dilekatkan di bahagian belakang karya, manakala satu (1) salinan lagi diserahkan kepada pihak urus setia untuk tujuan dokumentasi.

Konsep Penyertaan

- Berkonsepkan **Proposal-Based Entry**, iaitu **peserta dikehendaki mengemukakan cadangan karya terlebih dahulu sebelum menghasilkan karya sebenar**.
- Setiap peserta boleh mencadangkan tidak lebih dari tiga (3) buah karya, dan hanya satu (1) karya sahaja yang layak disenaraipendek sebagai karya finalis.
- Kaedah ini bertujuan meningkatkan kualiti penyertaan dengan memberi penekanan kepada kekuatan idea, penyelidikan, eksperimen dan perancangan karya sebelum direalisasikan.
- Penggunaan teknologi AI sebagai alat penyelidikan, eksplorasi visual atau rujukan adalah dibenarkan. Walaubagaimanapun, karya yang dihasilkan sepenuhnya melalui platform penjana imej AI tidak layak dipertandingkan. Penganjur berhak meminta dokumentasi proses penghasilan karya bagi tujuan pengesahan keaslian.

Tema

- Tema KPTNS Kategori C adalah: **"Kepelbagaian"** atau **"Harmoni"**.
- Tafsiran tema adalah terbuka namun hendaklah berteraskan konteks Sabah, sama ada dari aspek kehidupan masyarakat, landskap, budaya, alam sekitar, bentuk, struktur, corak, interaksi sosial atau nilai-nilai yang mencerminkan identiti negeri Sabah.
- Peserta digalakkan meneroka konsep kepelbagaian dan harmoni daripada sudut prinsip seni dan reka bentuk, termasuk aspek hubungan bentuk, warna, ruang, tekstur, ritma dan keseimbangan visual.
- Peserta digalakkan menafsir tema secara **kreatif dan kontemporari** tanpa terhad kepada representasi budaya etnik secara literal.

Cadangan Karya (Proposal)

- Peserta hendaklah mengemukakan dokumen cadangan karya yang mengandungi:
 - a) Tajuk karya;
 - b) Sinopsis atau pernyataan karya **tidak lebih dari 500 patah perkataan** (Antaranya merangkumi konsep, idea/inspirasi, penyelidikan berkaitan, mesej karya dan sebab pemilihan bahan/teknik);
 - c) Saiz karya (**Tidak kurang dari 183 x 152 (5 x 6 ft)**)
Pihak penganjur berhak mempertimbangkan pengecualian saiz tertakluk kepada justifikasi konsep dan kesesuaian karya;
 - d) Lakaran awal, visual simulasi atau mock-up karya;
 - e) Portfolio ringkas peserta yang mengandungi lampiran visual sekurang-kurangnya tiga (3) karya terdahulu.

Medium Karya

- Penyertaan adalah terhad kepada **karya catan** sahaja.
- Penggunaan elemen media baharu sebagai komponen sokongan kepada karya catan adalah dibenarkan, tertakluk kepada kesesuaian konsep dan keperluan pemasangan karya selagi karya masih berada dalam kategori catan.
- Sebarang peralatan, peranti atau kelengkapan tambahan yang diperlukan bagi tujuan pemasangan, persembahan atau pengoperasian karya hendaklah disediakan oleh peserta sendiri.

Pemilihan Cadangan Karya (Proposal) dan Penghasilan Karya

- Panel juri akan menilai semua cadangan berdasarkan aspek:
 - a) Keaslian idea;
 - b) Kekuatan konsep;
 - c) Kualiti penyelidikan;
 - d) Potensi penghasilan;

- e) Relevansi terhadap tema;
- f) Kebolehlaksanaan karya.

● **Karya finalis yang disenaraipendek akan dihubungi melalui email dan/atau telefon untuk menghasilkan karya sebenar bermula 29 September 2026 (Sabtu).**

● Karya finalis mesti dihantar ke Balai Seni Lukis Sabah **sebelum/pada tarikh tutup penghantaran karya iaitu 11 Januari 2027 (Isnin), 12.00 tengah hari.** Karya yang dihantar selepas tarikh tutup tidak akan diterima dan dilayan.

● Panel juri berhak meminta maklumat tambahan atau sesi perbincangan lanjut berkaitan cadangan karya sekiranya diperlukan.

Sesi Pembentangan Karya

● **Peserta karya finalis yang disenarai pendek diwajibkan menghadiri sesi pembentangan karya. Tarikh akan ditentukan kelak oleh penganjur.**

● Bagi penyertaan secara berkumpulan, semua ahli kumpulan diwajibkan hadir semasa sesi pembentangan karya. Sekiranya mana-mana ahli tidak dapat hadir atas sebab yang tertentu, peserta hendaklah memaklumkan kepada pihak penganjur terlebih dahulu.

● Setiap peserta atau kumpulan akan diberikan masa maksimum sepuluh (10) minit untuk membentangkan karya di hadapan panel juri.

● Antara isi pembentangan merangkumi:

- a) Idea dan konsep karya;
- b) Proses penghasilan;
- c) Penyelidikan yang dijalankan;
- d) Pendekatan artistik;
- e) Hubungan karya dengan tema pertandingan.

● Peserta yang menghasilkan karya dengan susun atur, konfigurasi atau kaedah pemasangan tertentu hendaklah hadir bagi tujuan pemasangan (*set-up*) dan penyediaan karya **sebelum** sesi pembentangan dan pengadilan dijalankan.

● Ini termasuk tetapi tidak terhad kepada projektor, monitor, televisyen, komputer, pembesar suara, peranti digital, sistem pencahayaan, sambungan elektrik, kabel peralatan teknikal lain yang berkaitan dan lain-lain.

● Peserta hendaklah memastikan semua peralatan yang digunakan berada dalam keadaan selamat, berfungsi dengan baik dan sesuai dipamerkan sepanjang tempoh pengadilan dan pameran berlangsung.

● **Pihak penganjur hanya menyediakan ruang pameran asas dan tidak bertanggungjawab menyediakan peralatan khusus yang diperlukan bagi karya peserta.**

● Kegagalan menghadiri sesi pembentangan tanpa sebab munasabah boleh menyebabkan penyertaan dibatalkan.

Pemilihan Karya Pilihan

● Panel juri akan menilai karya berdasarkan kekuatan konsep, kualiti artistik, penyelidikan, teknik penghasilan serta pencapaian keseluruhan karya.

● **Panel juri juga berhak untuk **tidak** memberikan sesuatu anugerah sekiranya tiada karya yang memenuhi tahap kecemerlangan yang ditetapkan.**

● Segala keputusan panel juri adalah muktamad dan sebarang rayuan tidak akan dilayan.

Hak Penganjur

● Balai Seni Lukis Sabah berhak menggunakan imej, dokumentasi dan maklumat karya bagi tujuan penerbitan, promosi, pendidikan dan arkib.

● **Karya Pilihan boleh dipertimbangkan untuk dijadikan Koleksi Tetap Balai Seni Lukis Sabah atau ditawarkan untuk jualan** atau program pemasaran seni tertakluk kepada penilaian pihak penganjur serta persetujuan peserta.

Pameran dan Jualan Karya

● Kesemua karya finalis berpotensi dipamerkan sempena “Majlis Perasmian Pameran KPTNS dan Majlis Penyampaian Hadiah” dan “Pameran KPTNS” di galeri Balai Seni Lukis Sabah.

● **Karya-karya finalis yang tidak menerima anugerah** masih boleh dipilih untuk ditawarkan untuk jualan tertakluk kepada penilaian pihak penganjur serta persetujuan peserta.

Pengangkutan dan Pengambilan

● Semua perbelanjaan yang terlibat dalam penghantaran karya-karya dan juga pengambilan balik adalah ditanggung peserta sendiri.

● Para pemenang adalah dikehendaki datang menerima hadiah di “Majlis Perasmian Pameran dan Penyampaian Hadiah KPTNS Ke-41”. Walaubagaimanapun, segala perbelanjaan dan penginapan adalah dibawah tanggungan masing-masing.

● Karya-karya yang tidak dipilih hendaklah diambil kembali oleh peserta sebelum 31 Disember 2027. Karya-karya yang tidak diambil selepas tarikh tersebut akan diambil alih menjadi hak milik Balai Seni Lukis Sabah.

Keselamatan Karya

● Pihak penganjur akan menjaga dengan sedaya upaya tentang keselamatan karya-karya penyertaan semasa dalam simpanan, namun pihak penganjur tidak akan bertanggungjawab ke atas kerosakan atau kehilangan semasa penghantaran dan pengambilan kembali.